BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Rujukan: 11/16/06

Embargo : Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1200 pada hari Jumaat 11 November 2016

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2016

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi global terus mencatat pertumbuhan sederhana pada suku ketiga 2016. Data terkini menunjukkan aktiviti ekonomi dalam ekonomi maju juga sederhana. Di Asia, permintaan dalam negeri kekal sebagai sumber pertumbuhan penting dalam keadaan permintaan luaran yang terus lemah. Meskipun tekanan dalam pasaran kewangan antarabangsa menjadi reda susulan pelaksanaan dasar monetari yang lebih longgar oleh bank-bank pusat utama, beberapa isu dasar yang penting dalam ekonomi utama terus menimbulkan ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan global. Berlatarkan prospek pertumbuhan yang perlahan dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau telah meningkatkan tahap akomodasi monetari.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.3% pada suku ketiga 2016

Ekonomi Malaysia berkembang 4.3% pada suku ketiga 2016 (S2 2016: 4.0%), disokong terutamanya oleh peningkatan berterusan perbelanjaan sektor swasta dan sokongan tambahan daripada eksport bersih. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.5% (S2 2016: 0.7%).

Ekonomi berkembang 4.3% pada suku tahun ketiga
(pada harga malar tahun 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri meningkat pada kadar lebih sederhana apabila pertumbuhan perbelanjaan awam yang lebih perlahan lebih daripada mengimbangi pertumbuhan aktiviti sektor swasta yang mampan. Penggunaan swasta meningkat 6.4% (S2 2016: 6.3%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan serta kenaikan gaji minimum yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada suku ketiga (S2 2016: 5.6%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana kepada 3.1% pada suku ketiga (S2 2016: 6.5%) disebabkan oleh perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah, yang mengimbangi sebahagian daripada perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen. Pertumbuhan pelaburan awam menguncup 3.8% (S2 2016: 7.5%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih rendah untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada suku ketiga disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan, manakala sektor pertanian kekal lemah. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong terutamanya oleh aktiviti penggunaan swasta, manakala pertumbuhan sektor perkilangan disokong oleh industri berorientasikan eksport. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan terus didorong oleh aktiviti kejuruteraan awam, manakala sektor perlombongan berkembang pada kadar yang lebih cepat disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian kekal menguncup disebabkan terutamanya oleh kesan lat (lagged effect) El Nino ke atas hasil minyak sawit mentah (MSM).

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.3% pada suku ketiga 2016 (S2 2016: 1.9%). Pada suku itu, inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* adalah lebih rendah pada 3.4% (S2 2016: 4.2%). Inflasi dalam kategori *pengangkutan* juga mencatat penurunan lebih besar sebanyak 7.4% pada suku ketiga 2016 (S2 2016: -6.6%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pada suku ketiga 2016, lebihan akaun semasa imbangan pembayaran meningkat disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan lebih besar, yang lebih daripada mengimbangi defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi.

Kedudukan rizab pada 31 Oktober 2016 berjumlah USD97.8 bilion (bersamaan dengan RM405.5 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada liputan hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Kadar faedah diturunkan selaras dengan pengurangan OPR

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Julai 2016 dan terus mengekalkan kadar dasar itu pada bulan September 2016. Pelarasan OPR ini bertujuan untuk memastikan tahap akomodatif monetari terus konsisten dengan pendirian dasar. Ini bagi memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh dalam keadaan inflasi yang stabil, serta disokong oleh pengantaraan kewangan yang terus mantap dalam ekonomi. Dengan pengurangan OPR ini, kadar antara bank menjadi lebih rendah pada suku ketiga dan KLIBOR 3 bulan menurun daripada 3.65% kepada 3.40%. Seiring dengan perkembangan itu, kadar asas (BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan mengakhiri suku ketiga dengan lebih rendah pada 3.60% (akhir bulan Jun 2016: 3.83%). Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul lebih rendah pada 5.27% pada akhir bulan September 2016, berbanding dengan 5.42% pada akhir bulan Jun 2016. Di samping itu, kadar deposit tetap (FD) menurun pada suku ketiga dengan purata 21 mata asas bagi tempoh 1 tahun dan ke bawah.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM6.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan pada kadar 2.2% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 1.9%). Peningkatan M3 pada suku ketiga didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus bertambah oleh sektor perbankan kepada sektor swasta. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal lebih daripada mencukupi dan secara relatif kekal stabil pada suku ketiga.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran modal berjumlah RM293.8 bilion (S2 2016: RM292.9 bilion). Pada asas bersih, pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan, IKP, dan terbitan bon korporat terkumpul berkembang 6.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2016: 6.9%). Pada asas tahunan, meskipun pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih

perlahan sebanyak 2.0% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2016: 3.8%), pertumbuhan tahunan pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terkumpul adalah mampan pada 8.2% (akhir bulan Jun 2016: 9.2%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menurun kepada 5.8% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2016: 6.2%), mencerminkan terutamanya penurunan pinjaman terkumpul untuk *pembelian kereta penumpang; pembelian harta bukan kediaman; pembelian harta kediaman* dan *pembiayaan peribadi.* Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menurun kepada RM13.5 bilion pada suku ketiga 2016 (S2 2016: RM33.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh penebusan sekuriti hutang Kerajaan yang besar.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau pada suku ketiga. Ini mencerminkan peralihan sentimen pelabur dan pengimbangan semula aktiviti pelabur portfolio sepanjang suku itu, yang didorong terutamanya oleh perkembangan luar. Sementara semua mata wang serantau terjejas oleh ketidakpastian yang berterusan mengenai pengaturan masa pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar di AS, ringgit dan mata wang beberapa negara pengeksport komoditi lain juga menghadapi pelarasan tambahan disebabkan oleh harga minyak mentah global yang sangat tidak menentu pada suku ketiga.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 3.0% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Ringgit turut menyusut nilai berbanding dengan euro (-3.9%), yen Jepun (-4.2%) dan dolar Australia (-5.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan paun sterling (0.2%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan semua mata wang serantau kecuali peso Filipina, antara 1.8% hingga 7.3%.

Kestabilan kewangan domestik kekal terpelihara

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan. Daya tahan ini dijangka dapat diteruskan dalam tempoh akan datang. Meskipun perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian berikutan keadaan operasi yang lebih mencabar dan kos sara hidup yang lebih tinggi, penyesuaian ini dijangka memberikan kesan sederhana terhadap pendapatan dan kualiti aset institusi kewangan. Disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang kukuh, sistem kewangan Malaysia berada pada kedudukan baik untuk terus melaksanakan fungsi pengantaraannya dengan berkesan dan cekap. Melangkah ke hadapan, perkembangan luar akan terus memberikan kesan ketara terhadap sentimen pelabur dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan domestik. Ini termasuk meningkatnya ketidaktentuan terhadap pelarasan dasar dan pertumbuhan dalam ekonomi utama, harga komoditi yang tidak menentu dan perkembangan di United Kingdom selepas referendum Kesatuan Eropah. Sistem kewangan domestik, bagaimanapun, dijangka terus stabil.

Institusi kewangan mempunyai tahap permodalan yang kukuh dengan penampan modal yang digabungkan berjumlah RM160.8 bilion. Bagi institusi perbankan, lebih 90% daripada jumlah modal terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab yang mempunyai kualiti yang teguh untuk menyerap kerugian. Ini mencerminkan nisbah modal yang tinggi - nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1,

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

nisbah modal kumpulan 1 dan jumlah modal institusi perbankan masing-masing berjumlah 13.3%, 14.2% dan 16.7% (S2 2016: masing-masing 13.4%, 14.3% dan 16.8%). Begitu juga, nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful kekal tinggi pada 226.4% (S2 2016: 228.1%).

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Menoleh ke hadapan, keadaan ekonomi global secara keseluruhan dijangka terus menghadapi prospek pertumbuhan yang perlahan meskipun keadaan monetari dalam ekonomi utama dan serantau lebih longgar daripada kebiasaan. Kadar pertumbuhan ekonomi maju dijangka kekal sederhana, manakala di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan masih tinggi disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pengaturan masa dan hasil rundingan antara United Kingdom dengan Kesatuan Eropah susulan referendum berkaitan dengan Kesatuan Eropah di UK, harga tenaga dan komoditi yang kekal rendah serta kemungkinan keadaan pasaran yang tidak teratur berikutan peralihan dasar dalam ekonomi utama. Berlatarkan keadaan ini, keadaan pasaran kewangan antarabangsa dijangka terus dipengaruhi oleh gangguan dan perubahan sentimen.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4-4.5% pada tahun 2016. Permintaan dalam negeri, khususnya aktiviti sektor swasta, dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta akan terus disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga, dengan dorongan tambahan daripada langkah-langkah yang diumumkan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna. Aktiviti pelaburan akan terus disokong terutamanya oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur secara berterusan serta perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dalam sektor luaran, pertumbuhan eksport dijangka kekal lemah berikutan permintaan yang lembap daripada rakan perdagangan utama Malaysia. Secara keseluruhan, meskipun keadaan dalam negeri kekal berdaya tahan, ketidakpastian dalam persekitaran luar boleh meningkatkan risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih perlahan di Malaysia.

Bank Negara Malaysia
11 November 2016

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	4.1	4.0	3.6	6.3	4.7
Sektor Swasta	69.2	4.4	4.9	4.5	6.1	6.0
Penggunaan	*52.4*	*4.1*	*4.9*	*5.3*	*6.3*	*6.4*
Pelaburan	*16.9*	*5.5*	*4.9*	*2.2*	*5.6*	*4.7*
Sektor Awam	22.4	2.9	2.1	0.4	6.9	0.3
Penggunaan	*13.5*	*3.6*	*3.3*	*3.8*	*6.5*	*3.1*
Pelaburan	*8.9*	*1.8*	*0.4*	*-4.5*	*7.5*	*-3.8*
Eksport Bersih	8.6	3.4	4.3	-12.4	-7.0	5.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.9*	*3.2*	*4.0*	*-0.5*	*1.0*	*-1.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*64.3*	*3.1*	*4.0*	*1.3*	*2.0*	*-2.3*
KDNK[1]	**100.0[1]**	**4.7**	**4.5**	**4.2**	**4.0**	**4.3**
KDNK (Pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.9**	**1.2**	**1.0**	**0.7**	**1.5**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	53.5	4.4	5.0	5.1	5.7	6.1
Perkilangan	23.0	4.9	5.0	4.5	4.1	4.2
Perlombongan	9.0	5.1	-1.3	0.3	2.6	3.6
Pertanian	8.9	2.3	1.5	-3.8	-7.9	-5.9
Pembinaan	4.4	9.9	7.4	7.9	8.8	7.9
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.7**	**4.5**	**4.2**	**4.0**	**4.3**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.9**	**1.2**	**1.0**	**0.7**	**1.5**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia